

RAPANG SUNGAI
Yellow-wattled Lapwing

FAMILI: Charadriidae
NAMA SAINTIFIK: *Vanellus malabaricus*

CIRI-CIRI: Semasa luar musim pembiakan, individu dewasa mempunyai bahagian atas kepala berwarna kehitaman, gelambir berwarna kuning di hadapan mata dan jalur putih di belakang mata hingga belakang kepala. Bahagian lain kepala, leher dan dada berwarna coklat kekelabuan. Bahagian atas kepala bercampur dengan warna coklat, bahagian kaki berwarna kuning dan terdapat jalur kehitaman pada dada. Semasa terbang, ianya kelihatan seperti Rapang Duit, *V.indicus*, tetapi mempunyai jalur putih yang lebih ketara pada bahagian atas sayap. Semasa musim pembiakan, keseluruhan bahagian atas kepala berwarna hitam. Bagi individu juvenil, bahagian atas kepala berwarna coklat dengan bintik-bintik kuning pucat. Bahagian atas badan dan bulu pahat pada sayap mempunyai pinggir kuning pucat dan jalur sub-terminal yang gelap. Bahagian dagu dan tekak berwarna putih manakala gelambir adalah lebih kecil dan pudar tanpa jalur hitam pada dada. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 26 hingga 28 sm.

MAKANAN: Dietnya terdiri daripada kumbang, cacing, belalang dan serangga-serangga yang lain.

HABITAT: Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di padang yang kering, kawasan terbuka, kawasan pertanian, tanah lembap dan tanah rendah.

BUNYI: Spesies ini mengeluarkan bunyi *chee-eet* atau *tchee-it* yang lantang dan *tit-tit-tit* yang kasar dan nyaring atau *whit-whit-whit* apabila mengesan bahaya.